

Lawatan akademik kenali pengurusan bencana

LAWATAN sambil belajar Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) yang disertai 10 institusi pengajian tinggi (IPT) ke Tokyo, Jepun memberi banyak manfaat dan pengalaman dalam pengurusan bencana alam kepada peserta.

Program anjuran Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) itu membabitkan tiga pegawai, seorang pegawai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 20 (Pegawai IPT) dan 12 (Pegawai Kadet Kor SISPA).

Antara IPT yang terbabit ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHO), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Industri Selangor (Unisel) dan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL).

Lawatan diketuai Pegawai dari JPAM, Fazlisyah Muslim disertai Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwah Pelajar, UKM, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal; Pegawai UKM, Prof Dato Ir Othman Abd Karim UKM; Naib Canselor, Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad; Pegawai Unisel, Latifah Abd Latif; Pegawai KPT, Faudziah M Din; dan pegawai USM, Mohd Norzulhairie Othman dan Hafiz Assad Zakaria.



Peserta bersama pelajar Sekolah Elimentari Hanazono, Tokyo.

Fazlisyah berkata, program memberi pendedahan kepada pegawai dan siswa IPT tentang kaedah terbaik pengurusan bencana di Jepun selain mewujudkan kerjasama strategik baru dengan agensi pengurusan bencana utama di negara itu.

Antara tempat yang dilawati ialah Kedutaan Malaysia di Jepun, Universiti Antarabangsa Josai, Tokyo Fire Academy, Japan International Cooperation Agency (JICA), Hanazono Elementary School, Tokyo Metropolitan Government (TMG) dan Ringkai Disaster Prevention Park.

Sementara itu Naib Canselor, Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad berkata, lawatan ke Akademi Bomba Tokyo (JBT) memberi

pengalaman paling menarik kepada peserta.

Menurutnya, JBT adalah jabatan utama dalam menangani bencana alam.

"Antara tugas akademi bomba berkenaan ialah memberi latihan selama enam bulan sebelum seseorang

boleh menjadi ahli bomba. "Seorang ahli bomba hendaklah sentiasa dalam keadaan bersiap sedia dan masa yang diberi untuk bersedia ke tempat musibah hanya 45 saat termasuk memakai uniform serta membawa segala peralatan," katanya.

Katanya, akademi berkenaan mempunyai 10 helikopter dan semasa latihan, pelatih diberi elaun RM5,000

sebulan dengan kediaman dan makan percuma disediakan. Peluang melawat Sekolah Elimentari Hanazono turut memberikan pengalaman baru kepada peserta terbabit. Sekolah ini mengajar cara-cara menghadapi gempa bumi seawal tiga

tahun atau pra sekolah.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwah Pelajar, UKM, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal pula menyifatkan lawatan ke JICA turut menjadi ingatan yang tidak mudah dilupakan.

Selain itu, lawatan ke Ringkai Disaster Prevention Park mengajar mereka tentang cara mengawal emosi semasa gempa bumi berlaku. Sebuah buku nota diberi kepada setiap peserta bagi menjawab soalan-soalan di samping melalui satu suasana simulasi gempa bumi yang memerlukan penyediaan mental dan perasaan ketika menghadapi gempa bumi sebenar. Mereka juga disediakan satu set kursi dan meja yang bergoyang apabila gempa bumi lapan skala Richter berlaku. Lawatan ke Universiti Antarabangsa Josai sangat menarik kerana ia ada muzium yang menyimpan fosil berusia ribuan tahun daripada seluruh dunia.



Peserta rombongan di JICA, Tokyo.